

MINIT MESYUARAT BERSAMA PERSATUAN PERUSAHAAN BURUNG WALIT

Tarikh : 10 Jun 2013 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : **Bilik Mesyuarat Utama**
Aras 2, Jabatan Standard Malaysia
Century Square, Blok 2300
Jalan Usahawan, 63000 Cyberjaya
Selangor

Hadir:

- a. Pn. Fadilah Baharin
Ketua Pengarah
STANDARDS MALAYSIA
- b. YBhg. Ir. Dato' Fong Tian Yong
Pejabat Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China
- c. En. Ridzwan Kasim
Pengarah Kanan
STANDARDS MALAYSIA
- d. Pn. Carole Loh Chooi Lean
Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Malaysia
- e. Dr. Wee Hui Kit
Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Malaysia
- f. En. Liew Chin Huat
Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Malaysia
- g. Dr. Ho Boon Chan
Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perak
- h. En. Herman Ho Kee Seng
Malaysia Bird's Nest Export Merchants Association
- i. En. Azuan Koh Pee Chuan
Malaysia Bird's Nest Export Merchants Association
- j. En. Lim Theam Siew
Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia
- k. En. Chong Fook Choy
Persatuan Industri Sarang Burung Walet Perak

- l. En. Hing Wah Ang
Persatuan Industri Sarang Burung Walet Perak
- m. En. Lai Hin Loong
Persatuan Industri Sarang Burung Walet Kuala Lumpur
- n. Pn. Chew Yoke Ping
Pertubuhan Gabungan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit Malaysia
- o. En. Lim Lai Soon
Pertubuhan Gabungan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit Malaysia
- p. En. Yap Chee Bin
Pertubuhan Gabungan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit Malaysia
- q. En. Ou Dai Foo
Persatuan Pengusaha Burung Walit Kuantan, Pahang
- r. En. Loo Tai Yip
Persatuan Pengusaha Burung Walit Kuantan, Pahang
- s. Pn. Marshitah Bahar (Setiausaha)
Penolong Pengarah (D&S)
STANDARDS MALAYSIA

1. KATA-KATA ALUAN

- 1.1 Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada setiap yang hadir. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa mesyuarat pada hari ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada pengusaha-pengusaha burung walit terhadap *Malaysian Standards* (MS) berkaitan burung walit. Mesyuarat telah dimulakan dengan sesi memperkenalkan diri semua yang hadir.

Makluman

- 1.2 Puan Pengerusi turut memaklumkan bahawa mesyuarat pada hari ini adalah untuk memudah serta membantu industri burung walit untuk berdagang di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Makluman

2. PERBINCANGAN BERKENAAN ISU-ISU BERHUBUNG STANDARD DAN SARANG BURUNG WALIT

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa produk sarang burung walit dari Malaysia mempunyai pasaran di negara-negara seperti Kanada, Amerika Syarikat, China, Australia, Taiwan, Jepun, Korea, Macau dan

juga Hong Kong. Selain itu, mesyuarat turut dimaklumkan bahawa antara pesaing industri sarang burung walit Malaysia adalah industri-industri daripada negara Indonesia, Thailand dan Vietnam di mana Indonesia merupakan pesaing utama.

Makluman

- 2.2 Wakil daripada pihak industri memaklumkan mesyuarat bahawa tiada sebarang kerjasama di peringkat ASEAN berkaitan industri burung walit walaupun terdapat beberapa perbincangan yang telah dibuat dengan pihak industri burung walit dari negara ASEAN seperti Indonesia.

Makluman

- 2.3 Wakil daripada Jabatan Standard Malaysia (STANDARDS MALAYSIA) telah menerangkan mengenai proses pembangunan MS mulai dengan *New Proposal* (NP), persetujuan *Industry Standards Committee* (ISC) dan kelulusan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI. Pakar-pakar Jawatankuasa Teknikal akan berbincang dengan terperinci sebelum deraf MS dikemukakan untuk ulasan umum selama 2 bulan. Ulasan umum, sekiranya ada akan diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal sebelum dikemukakan kepada STANDARDS MALAYSIA untuk diluluskan oleh YB Menteri MOSTI sebagai MS.

Makluman

- 2.4 Wakil STANDARDS MALAYSIA juga meminta supaya pihak industri menggunakan MS yang asal dan tidak membuat salinan MS tersebut.

Makluman

- 2.5 Wakil STANDARDS MALAYSIA memaklumkan bahawa selepas ISC bagi Pertanian iaitu ISC A meluluskan cadangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kumpulan Kerja (*Working Group*, WG) bagi MS berkaitan burung walit telah mengadakan mesyuarat pada 5 Jun 2013 bagi membincangkan perkara berkaitan MS 2334:2011 *Edible-Birdnest* (EBN) – *Specification*.

Makluman

- 2.6 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa hasil perbincangan tersebut, MS 2334:2011 ini akan dipinda dengan mengeluarkan jadual berkaitan nitrit dan MS ini juga akan dibahagi kepada dua iaitu *raw unclean* dan juga *clean birdnest*.

Makluman

- 2.7 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa MS 2273:2012 *Good Animal Husbandry Practice - Edible-nest Swiftlet ranching and its premises (First revision)* juga akan dipinda dengan memasukkan

kaedah *traceability* yang lain selain penggunaan kaedah *Radio Frequency Identification Device* (RFID).

Makluman

- 2.8 Wakil STANDARDS MALAYSIA turut memaklumkan mesyuarat bahawa pihak industri turut terlibat sebagai ahli dalam WG membincangkan MS berkaitan burung walit ini.

Makluman

- 2.9 Pihak industri walau bagaimanapun memaklumkan mesyuarat bahawa walaupun mereka mempunyai wakil di dalam WG tersebut tetapi pandangan dan pendapat mereka tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Makluman

- 2.10 Puan Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak industri boleh terus memaklumkan sebarang pandangan dan cadangan mereka kepada STANDARDS MALAYSIA sekiranya ia tidak diberi perhatian oleh WG. Pihak industri juga boleh bertanya terus kepada pihak STANDARDS MALAYSIA sekiranya memerlukan sebarang penjelasan berkaitan MS.

Makluman

- 2.11 Pihak industri juga memaklumkan mesyuarat bahawa industri yang terlibat dalam WG pembangunan MS berkaitan burung walit ini tidak mewakili semua industri yang ada di Malaysia ini kerana terdapat beberapa kumpulan yang berbeza yang terlibat dalam perusahaan burung walit ini seperti:

- a) Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Malaysia (PPPSBM);
- b) Pertubuhan Gabungan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit Malaysia;
- c) Persatuan Pengusaha Burung Walit; dan
- d) *Malaysia Bird's Nest Export Merchants Association*

Makluman

- 2.12 Oleh kerana terdapat beberapa kumpulan industri yang terlibat dalam perusahaan burung walit ini, wakil STANDARDS MALAYSIA memohon untuk setiap wakil kumpulan untuk mengemukakan senarai ahli bagi setiap kumpulan untuk membolehkan STANDARDS MALAYSIA mengemukakannya kepada pihak sekretariat pembangunan MS untuk dijemput menyertai WG yang berkaitan.

Tindakan: Industri/ STANDARDS MALAYSIA

- 2.13 Pihak industri memaklumkan bahawa pihak industri menghadapi masalah untuk mengeksport produk sarang burung mereka terutama ke negara China berikutan keperluan yang digariskan dalam MS berkaitan burung walit iaitu berkaitan tahap nitrit yang rendah dan juga RFID. Ini kerana negara China menggunakan MS sebagai rujukan bagi meluluskan produk sarang burung Malaysia yang masuk ke negara China. Sehubungan itu, pihak industri meminta pihak STANDARDS MALAYSIA untuk menyemak semula semua MS berkaitan bagi membantu pihak industri.

Makluman

- 2.14 Mesyuarat mengambil maklum bahawa tahap nitrit yang dinyatakan di dalam MS adalah sangat rendah dan tidak boleh dicapai oleh industri kerana kandungan nitrit dalam sarang burung adalah sentiasa berubah-ubah bergantung kepada persekitarannya. Kandungan nitrit ini akan menjadi rendah hanya setelah sarang burung direndam dan dimasak kerana sifat nitrit yang larut dalam air. Walau bagaimanapun, kandungan nitrit tersebut akan meningkat semula bergantung kepada persekitaran yang didedahkan kepada sarang burung terbabit. Sehubungan itu, pihak industri mencadangkan agar ujian kepada sarang burung ini hanya dibuat ketika produk telah sedia untuk digunakan dan bukan terhadap produk yang belum diproses. Pihak industri menyatakan bahawa perkara ini tidak boleh dilakukan kerana MS sedia ada tidak membezakan antara *raw unclean* dan *clean birdnest*.

Makluman

- 2.15 Pihak industri juga tidak bersetuju dengan keperluan menggunakan RFID untuk tujuan *traceability* sarang burung kerana ianya boleh menggunakan kaedah lain yang lebih rendah kosnya berbanding penggunaan RFID. Antara contoh kaedah *traceability* yang telah dicadangkan adalah melalui penggunaan *QR Code*.

Makluman

- 2.16 Puan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak STANDARDS MALAYSIA telah sedia maklum akan perkara ini di mana selain mesyuarat WG, STANDARDS MALAYSIA juga telah pun berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Department of Veterinary Services, DVS*) dan juga KKM bagi membincangkan MS berkaitan burung walit untuk memastikan MS yang dibangunkan tidak akan membebankan industri. Selain itu, MS sedia ada berkaitan EBN juga akan dibahagi kepada dua seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini. Puan Pengerusi turut memaklumkan bahawa pihak DVS juga telah bersetuju untuk tidak menggunakan kaedah RFID sahaja bagi tujuan *traceability* sarang burung memandangkan penggunaan RFID bukan bersifat mandatori.

Makluman

- 2.17 Puan Pengerusi turut meminta kerjasama pihak industri untuk mempromosikan MS yang akan disemak semula ini bagi memastikan ianya dapat membantu pengusaha sarang burung walit memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa. Ini kerana MS yang dibangunkan adalah sangat berkualiti dan negara lain seperti China masih belum mempunyai sebarang standard berkaitan sarang burung walit.

Makluman

- 2.18 Pihak industri memaklumkan mesyuarat bahawa pihak KKM mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) mereka tersendiri bagi kandungan nitrit sarang burung di mana pembangunan SOP tersebut tidak mengambilkira pendapat daripada pihak industri. Sehubungan itu, Puan Pengerusi meminta wakil Pejabat Duta Khas Perdana Menteri (PM) ke Republik Rakyat (RR) China untuk memanjangkan kesemua SOP yang dimaksudkan kepada pihak STANDARDS MALAYSIA sekiranya ada. Ianya mungkin boleh dibincangkan dan dirujuk ketika proses semakan semula MS berkaitan burung walit.

Tindakan: Pejabat Duta Khas PM ke RR China

3. HAL-HAL LAIN

- 3.1 Tiada perkara dibincangkan di bawah agenda ini.

Makluman

4. PENUTUP

- 4.1 Pihak industri mengucapkan terima kasih kepada STANDADRDS MALAYSIA kerana sudi untuk mendengar pendapat dan pandangan daripada pihak industri.

Makluman

- 4.2 Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir.

Makluman